

ERDEC UMS anjur seminar Ecopreneur untuk usahawan muda

NST 18.11.2016 6

KOTA KINABALU: Seramai 500 peserta yang terdiri daripada pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), Asian Tourism International (ATI), Kolej MA-HSA dan Kolej Universiti MASTER-SKILL Kota Kinabalu menghadiri Seminar Ecopreneur yang dianjurkan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (ERDEC) UMS, kelmarin.

Seminar itu membentangkan empat kertas kerja menarik iaitu Eko Pelancongan di UMS, Kepentingan Aktiviti Kitar Semula, Turning Wastes into Energy dan Eco Farm: Utilizing Wastes for Sustainable Dairy Business.

Dengan tema 'Towards Sustainable Green Businesses', seminar tersebut bertujuan memperkasa ilmu keusahawanan dalam kalangan pelajar di samping memupuk idea inspirasi dan kreativiti dalam menghasilkan produk hijau.

Menurut Pengarah Pengurusan Eco-Campus UMS, Profesor Dr. Justin Sention, pelaksanaan program eko kampus dapat memberi pulangan kepada UMS dalam penjanaan pendapatan selain mengadakan aktiviti pemuliharaan alam sekitar.

"Pengalaman menjelajah tempat-tempat menarik di sekitar UMS secara tidak langsung dapat memberi kesedaran kepada para pelajar, kakitangan serta masyarakat tentang kepentingan menjaga kehijauan bumi," ujarnya ketika membentangkan kertas kerja beliau.



WEFIE... para peserta berwefie dengan para penceramah selepas majlis itu.

Bagi penceramah jemputan, Joseph Lee daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) Tzu Chi, beliau memaklumkan pelbagai langkah proaktif harus diambil untuk mengelakkan kehijauan alam sekitar agar dapat diwariskan kepada generasi akan datang.

"Peningkatan suhu global harus dipandang serius oleh semua pihak kerana dikhuatiri akan memberi ancaman bukan sahaja kepada manusia tetapi semua hidupan di darat dan laut.

"Ketidakseimbangan empat elemen iaitu angin, api, air dan tanah akan memberi kesan buruk kepada bumi seperti gempa bumi, banjir kilat, ribut dan jerebu," jelasnya.

Seminar yang diadakan di Dewan Kuliah Pusat 1 UMS itu turut memberi ruang pembentangan kertas kerja daripada wakil syarikat Gaya Recycle Sdn. Bhd. dan Yun Fook Resources Sdn. Bhd.